

RESEARCH ARTICLE

Komponen Makna Leksikal “Tik” dalam Bahasa Melayu Dialek Utara

Zul Hanis Yop Othman*, Sharil Nizam Sha'ri, Adi Yasran Abdul Aziz dan Salina Husain

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

ABSTRAK - Kajian terhadap komponen makna leksikal dalam dialek Melayu telah menemui masalah kekaburan dalam kalangan pengguna dialek tersebut. Masalah ini menyebabkan pengguna mengalami kekeliruan dalam memahami makna leksikal yang dituturkan oleh penutur Dialek Utara (DU) serta tidak dapat mentafsir makna dengan tepat. Komplikasi ini berlaku disebabkan oleh berlakunya makna lingkaran dan makna bertindih. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mencapai tiga objektif, iaitu (i) mengenal pasti entri DU yang mempunyai masalah pentakrifan berbentuk sinonim dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4) (2005), (ii) menghuraikan penelitian makna entri DU berbentuk sinonim berdasarkan pentakrifan dalam KD4 dengan mengaplikasikan Teori Analisis Komponen Makna yang diasaskan oleh Nida (1975), dan (iii) merumuskan pentakrifan makna baharu entri DU dalam KD4. Metodologi kajian melibatkan kajian kepustakaan dan lapangan terhadap 30 responden dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan yang terletak di Bandar Baru Selayang, Selangor. Kaedah temu bual dan rakaman audio digunakan untuk proses mengumpul data kajian. Hasil kajian menemui makna baharu yang diperolehi daripada temu bual dengan penutur asli DU. Justeru, kajian ini telah membuka ruang kepada pengkaji akan datang bahawa kajian makna leksikal khususnya dalam dialek masih mempunyai banyak lagi unsur yang perlu dikaji.

ARTICLE HISTORY

Received: 9 August 2024

Revised: 15 November 2024

Accepted: 11 December 2024

Published: 22 December 2024

KATA KUNCI

Dialek Utara

Kamus Dewan Edisi Keempat

Kekaburan makna

Makna leksikal

Teori analisis komponen makna

The Lexical Meaning Components of “Tik” in Northern Malay Dialect

ABSTRACT – Research on lexical meaning components in the Malay dialect has identified an ambiguity problem for its users. The problem has caused users to experience confusion in understanding the lexical meaning spoken by Northern Dialect (DU) speakers and unable to interpret the meaning accurately. The complication is due to the occurrence of spiral meaning and overlapping meaning. Hence, this study has three objectives: (i) to identify DU entries that have definition problems in the form of synonyms in the Kamus Dewan Fourth Edition (KD4) (2005), (ii) to describe the research of DU entries in the form of synonyms based on the definition in KD4 by applying Componential Analysis of Meaning by Nida (1975), and (iii) to formulate a new definition of the meaning of DU entries in KD4. The research methodology involves library and field studies on 30 selected respondents from the Federal Agricultural Marketing Authority in Bandar Baru Selayang, Selangor. Interviews and audio recording methods were used to collect research data. The results revealed new and meaningful findings from the interviews with DU native speakers. This study is expected to unlock the opportunities and potential of future studies on more elements of lexical meaning components, particularly in dialects.

KEYWORDS

Ambiguity of meaning

Componential Analysis of Meaning

Kamus Dewan Fourth Edition

Lexical meaning

Northern dialect

1.0 PENGENALAN

Dialek Melayu Utara merangkumi kawasan seperti Kedah, Perlis, Pulau Pinang, dan sebahagian Perak Utara. Dialek ini terkenal dengan keunikan leksikal dan fonologi yang membezakan daripada bahasa Melayu standard (Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2020). Asmah Hj. Omar (2001) pula menyatakan bahawa terdapat ciri makna leksikal dalam dialek Melayu Utara. Pertama, penggunaan perkataan khusus tempatan yang menunjukkan bahawa Dialek Melayu Utara (DU) kaya dengan kosa kata yang tidak digunakan dalam bahasa Melayu standard. Perkataan seperti “hang” yang bermaksud “awak” dan “depa” yang bermaksud “mereka” adalah contoh penggunaan leksikal yang unik kepada kawasan ini. Ini menunjukkan bahawa dialek Utara mempunyai identiti tersendiri dalam istilah yang biasa digunakan oleh penduduk tempatan. Kedua, perubahan bunyi (fonologi) yang konsisten. Dalam DU, perubahan bunyi yang berlaku pada perkataan Melayu standard. Sebagai contoh, perkataan “saya” berubah menjadi “cheq”, manakala “pergi” menjadi “pi”. Perubahan ini berlaku dengan konsisten dan membawa makna yang sama dengan bahasa standard,

*CORRESPONDING AUTHOR | Zul Hanis Yop Othman | ✉ zhyo1991@gmail.com

tetapi sebutan dan fonologi perkataan tersebut berubah mengikut dialek. Fonologi ini menjadikan dialek Utara mudah dikenali dan mempunyai identiti tersendiri. Ketiga, DU juga dipengaruhi oleh bahasa Thailand. Oleh kerana kedudukan geografi yang berdekatan dengan sempadan Thailand, dialek Melayu Utara menerima pengaruh besar daripada bahasa Thai. Contohnya, perkataan seperti "samtam" (sejenis salad Thai) dan "tomyam" (sup masam pedas) digunakan secara meluas dalam percakapan harian di kawasan ini. Pengaruh ini memperkayakan leksikon dialek Utara dan memberi makna baru kepada perkataan yang dipinjam dari bahasa asing.

Keempat, dari segi penggunaan kata ganda dengan maksud yang unik. DU juga sering menggunakan kata ganda untuk memberi penekanan atau memberikan makna yang lebih halus. Contohnya, perkataan "awat-awat" yang digunakan untuk menunjukkan kebingungan atau kehairanan. Kata ganda ini tidak semestinya wujud dalam bahasa Melayu standard, namun dalam dialek Utara, ia membawa makna leksikal yang khusus dan digunakan untuk memperkuat maksud sesuatu perkataan. Kelima, kelenturan dalam penggunaan kata nama dan kata kerja. DU sering kali memudahkan struktur bahasa dengan menggunakan kata kerja atau kata nama yang pendek dan mudah difahami. Contohnya, "makan" dalam dialek Utara boleh menjadi "makan" atau "nengok" (melihat) tanpa sebarang perubahan pada makna leksikal. Walaupun perkataan-perkataan ini dipendekkan atau berubah sedikit dalam penggunaannya, makna dasar leksikalnya masih kekal (Asmah, 2001).

Keenam, variasi dalam perkataan untuk benda yang sama. DU juga terkenal dengan pelbagai perkataan yang merujuk kepada objek yang sama. Sebagai contoh, perkataan "kenduri" dalam bahasa Melayu standard digunakan untuk merujuk kepada jamuan, tetapi dalam dialek Utara, perkataan "ghamai" boleh digunakan sebagai sinonim bagi kenduri. Variasi ini menunjukkan bahawa dialek Utara memiliki pelbagai cara untuk menyatakan makna yang sama, bergantung kepada konteks dan kawasan setempat. Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani et. al (2024) makna leksikal dalam dialek Melayu Utara kaya dengan variasi dan dipengaruhi oleh faktor geografi, sejarah, dan budaya. Keunikan ini menjadikan dialek Utara menarik untuk dikaji kerana bukan sahaja mencerminkan kekayaan bahasa, tetapi juga menunjukkan bagaimana bahasa berkembang dan menyesuaikan diri dengan persekitaran setempat.

Walau bagaimanapun, pentakrifan makna leksikal dialek telah menimbulkan masalah kepada pengguna kerana berlaku ketidakjelasan makna leksikal dialek tersebut. Perkara ini timbul apabila sempadan makna yang tidak jelas dan fahaman terhadap leksikal adalah bergantung kepada konteks dan situasi penggunaannya (Zul Hanis & Zaitul Azma, 2020). Hal ini demikian kerana, makna yang dijelaskan dalam kamus didapati mempunyai makna yang berbeza dengan latar pengguna dialek tersebut. Perkara ini telah menyebabkan pengguna telah keliru dan kabur dengan maksud yang diterangkan dalam kamus itu. Sehubungan dengan itu, pengguna perlu mencari dan merujuk kepada leksikal ke leksikal yang lain tanpa mendapat penerangan khas berkaitan makna tersebut yang sepatutnya (Nor Saadah Mohd Salleh, 2015).

Penerangan makna yang kurang jelas berhubung dengan makna leksikal yang digambarkan oleh penutur telah menyebabkan berlaku kelingkaran makna dan pertumpangtindihan makna. Menurut Monaliza Sarbini et al. (2019), kelingkaran ini telah berlaku akibat daripada kekaburan makna dalam mentafsir sesuatu entri/subentri dan frasa. Hal ini menyebabkan pengguna tidak dapat mentafsir makna leksikal seperti mana yang diterangkan dalam kamus. Perkara ini memerlukan sumber yang boleh membantu pengguna untuk menemui maklumat berkaitan leksikal itu dengan bertanyakan kepada sumber yang betul akan makna sebenar supaya tidak menimbulkan pertumpangtindihan makna. Menurut Hui Chin (1999), sumber seperti kamus menjadi sasaran utama kepada pengguna untuk merujuk makna yang sebarang bagi sesuatu kata yang ingin dirujuk. Tambahnya lagi, makna yang diterangkan perlulah tepat dan tidak mengelirukan supaya fahaman sebenar akan makna leksikal tersebut dapat difahami dengan jelas.

Masalah pentakrifan kata berdasarkan pendekatan sinonim yang tidak jelas dengan memfokuskan dialek utara seperti terdapat dalam KD4 telah menimbulkan masalah kekaburan kepada pengguna bahasa. Meskipun pembaca menemui padanan sinonim kata pada setiap kata tersebut, namun padanan makna masih tidak sepadan dari segi kepenggunaannya (Sapura Dalmi, 2011). Hal ini demikian kerana, setiap kata mempunyai nilainya yang tersendiri dan jika sepadan untuk disinonimkan semestinya padanan tersebut boleh saling diganti antara satu sama lain. Dalam KD4 telah tercatat entri yang dimasukkan makna yang bertindih dan tidak sepadan dengan situasi makna sebenar (Noresah Baharom, 2009). Kecacatan ini telah menyebabkan pengguna keliru dan kabur sehingga memerlukan sumber yang asli untuk mengetahui makna sebenar bagi kata tersebut.

Oleh itu, kajian ini menggariskan tiga objektif, iaitu:

1. mengenal pasti entri DU yang mempunyai masalah pentakrifan berbentuk sinonim dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4) (2005).
2. menghuraikan penelitian makna entri DU berbentuk sinonim berdasarkan pentakrifan dalam KD4 dengan mengaplikasikan Teori Analisis Komponen Makna (Nida, 1975).
3. merumuskan pentakrifan makna baharu entri DU dalam KD4 (2005).

1.1 Kajian Berkaitan Leksikal

Dalam kajian ini pengkaji akan mengelaskan kepada empat subtopik kajian lepas. Subtopik tersebut adalah kajian tentang leksikal, kajian tentang leksikografi, kajian tentang dialek utara, dan kajian tentang teori analisis komponen makna. Kesemua kajian lepas ini menjadi rujukan oleh pengkaji dari segi penghuraian data kajian, permasalahan kajian, metodologi dan tatacara kajian. Berikut ialah sorotan kajian lepas yang akan dibincangkan:

Kajian Mohd Zulkanein Sarbini (2021) berkaitan kata bebas leksikal (polisemi) dengan menggunakan pendekatan semantik kognitif yang memfokuskan kepada dua masalah iaitu kedinamikan bahasa yang mungkin tidak dapat direkodkan oleh kamus dan penggunaan kata "bebas" yang didapati begitu meluas dalam pelbagai konteks, topik dan bidang. Analisis Semantik Kognitif mendapati bahawa "bebas" tidak semestinya polisemi. Makna leksikal teras "bebas" ialah "tidak terkawal." Makna ini diambil sebagai makna teras kerana

ia menunjukkan frekuensi yang sangat tinggi. Makna ini juga boleh dianggap paling asas dan sepenuhnya literal. Pengertian pinggirian terdiri daripada “bekerja sendiri”, “bekerja tanpa majikan” dan “tidak terkawal.” dan skema imej juga memainkan peranan penting dalam mengkonseptualisasikan maksud “bebas.” Skema imej yang terlibat ialah skema imej ‘bekas’ dan ‘objek’. Kajian ini hanya memfokuskan kepada masalah kedinamikan bahasa dalam pelbagai konteks, topik dan bidang tetapi tidak memfokuskan kepada sinonim bagi bebas.

Nurul Aida Abdullah dan Muhammad Zaid Daud (2020) dalam kajian sinonim leksikal Nepotisme yang akan menganalisis makna semula sinonim Nepotisme berdasarkan data korpus. Dari sudut pandang kamus leksikal, istilah “nepotisme” adalah seperti dengan “kronisme” kerana kedua-duanya merujuk kepada tindakan atau amalan yang memberi keutamaan atau kelebihan kepada saudara-mara dan teman rapat sahaja. Ini termasuk dalam konteks pengutamaan atau pemberian keistimewaan kepada kenalan rapat dalam hal perantaraan jawatan, pemberian projek, dan perkara-perkara seumpamanya. Pentafsiran semula sinonim ini telah diaplikasikan kepada teori autoritatif iaitu Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) dan Teori Relevan (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986). Ini supaya makna sinonim leksikal ini dapat dijawab dengan kesahan yang tinggi. Secara rumusan, hasil kajian ini mendapati bahawa leksikal “kabel” atau “cabel” merupakan peningkatan sinonim bagi leksikal “nepotisme” dan “kronisme”. Kajian ini memberi ruang kepada pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan sinonim.

Zul Hanis dan Zaitul Azma (2020) dalam kajian ketangkasan leksikal dalam kalangan peniaga mendapati maksud yang disampaikan oleh penutur boleh diungkapkan sebagai makna bertulis dan makna bukan literal. Kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur ketaksaan leksikal dalam percakapan masyarakat peniaga Terengganu serta merumuskan unsur-unsur ketaksaan leksikal dalam percakapan masyarakat peniaga Terengganu sebagai cerminan identiti dan jati diri. Teori Relevan dipilih yang diasaskan oleh Sperber dan Wilson (1986) yang berasaskan kepada tiga idea iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses atau kos proses. Ketaksaan yang terlibat adalah dari segi perkataan, frasa dan ayat. Masyarakat Terengganu terdiri daripada peniaga di Terengganu. 18 orang sampel dipilih secara rawak. Pengkaji menggunakan kaedah lapangan iaitu pemerhatian dan temu bual serta menggunakan pendekatan kualitatif (deskriptif penerangan) sebagai analisis data. Hasil kajian mendapati peniaga Terengganu sangat gemar dan suka menggunakan unsur ketaksaan dalam percakapan mereka secara semula jadi. Terbukti dalam dapatan data empirikal terdapat unsur ketaksaan dalam bentuk perkataan. Kekaburan penggunaan kata ganti nama ‘dia’ untuk objek tidak bernyawa dan ‘kita’ mempunyai satu fungsi telah diselesaikan dengan pendekatan Teori Relevan. Contohnya, kekaburan kata ganti nama ‘kita’ boleh diselesaikan berdasarkan ujaran dan konteks ujaran itu sendiri. Maklumat tambahan yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah kekaburan kata ganti nama kita tersedia dalam ujaran itu sendiri. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu menambah baik dan menambah bahan rujukan kepada para saintis dalam bidang kajian ketaksaan khususnya dalam perbualan masyarakat. Namun, kajian ini hanya melihat kepada ketaksaan makna leksikal dalam perbualan masyarakat dari aspek perkataan, frasa dan ayat sahaja dan tidak memfokuskan kepada sinonim.

Indirawati Zahid dan Jasmierah Abdul Jalil (2019) telah mengkaji kata kerja, hubungan leksikal dan komponen makna dalam iklan. Kajian ini akan menganalisis kekerapan, hubungan leksikal dan komponen makna kata kerja pada slogan dan penerangan produk kecantikan. Hasil analisis menunjukkan penggunaan kata kerja biasa kerana ketepatan makna dan kolokasi. Terdapat 18 kata kerja biasa dan membentuk lima kumpulan hubungan leksikal, sinonim. Lima kumpulan sinonim ini akhirnya membentuk tiga komponen makna bersama, iaitu [-cukup], [+ada] dan [-ada]. Kesimpulannya, komponen makna yang dikongsi ini telah menjadi asas pemilihan kata kerja dalam bahasa pengiklanan. Oleh itu, kajian ini hanya melihat kepada pemilihan kata kerja yang sesuai untuk dimasukkan dalam bahasa iklan dan tidak melihat sinonim dalam iklan tersebut.

1.2 Kajian Berkaitan Leksikografi

Nor Hashimah Jalaluddin (2018) telah memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran leksikografi berdasarkan teori dan amali. Kedua-dua kaedah tersebut kemudiannya digabungkan untuk membantu pelajar memahami disiplin ini dengan baik. Ini bertujuan untuk memotivasi pelajar untuk menghargai seni penyusunan kamus. Bermula dengan makna perkataan secara impresionistik, pelajar secara beransur-ansur diperkenalkan kepada teori dan amali. Selepas beberapa sesi latihan, pelajar dapat memahami dan membina entri yang lengkap. Sesi latihan dimulakan dengan membuat definisi. Melalui proses ini, pelajar telah menerangkan maksud perkataan “muram” secara terhad dan telah memberikan beberapa contoh ayat tanpa mengetahui cara untuk menghasilkan definisi yang lengkap bagi sesuatu entri. Entri yang lengkap hendaklah terdiri daripada tatabahasa, simbol fonetik, definisi, contoh penggunaan dan maklumat lain yang berkaitan dengan entri.

Dalam proses membina definisi, pelajar juga dapat mengesan ketidakselarasan makna yang diberikan dalam beberapa kamus. Mereka boleh melihat makna yang tidak sesuai dan, seterusnya, mencadangkan penjelasan yang lebih baik untuk perkataan tersebut. Data daripada korpus telah menjadi sumber utama pelajar dalam membina makna perkataan. Pelajar dapat memberikan definisi yang lengkap, terdiri daripada simbol fonetik, tatabahasa, polisemi, subentri, singkatan dan suku kata. Melalui proses ini, para pelajar dapat menghasilkan definisi yang lengkap untuk perkataan “muram” untuk satu penyertaan. Pada peringkat ini, pelajar diajar tentang proses penghasilan kamus dan secara serentak diperkenalkan dengan penyelidikan kamus. Kaedah penggabungan teori dan amali ini telah memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari dan memahami proses sesebuah kamus disusun secara sistematik. Hasil kajian mendapati melalui diagotik, perancangan strategik dan intervensi, pelajar telah mula mengubah cara berfikir dan dapat mengaitkan aktiviti penyusunan kamus yang kompleks ini dengan ilmu yang diperolehi. Selain itu, berpendapat bahawa seni membuat kamus tidak wujud secara langsung tetapi dihasilkan dan digunakan dalam konteks yang berbeza mengikut peredaran masa. Oleh itu, kedua-dua kepraktisan proses penghasilan kamus dan teori yang berkaitan dengan penyelidikan kamus amat diperlukan terutamanya dalam persekitaran akademik. Ini menunjukkan bahawa teori linguistik sangat diperlukan dalam membuat kamus.

Kosem et al. (2019), menjalankan tinjauan penggunaan kamus di Eropah memfokuskan kamus ekabahasa iaitu kecenderungan pengguna menggunakan carian di laman web untuk mendapatkan maklumat berkaitan di mana sesuatu perkataan itu. Kajian ini melibatkan 9,562 pengguna kamus dan bukan pengguna dari 30 negara menggunakan soal selidik dalam talian tentang penggunaan kamus ekabahasa di Eropah. Lebih 300 pelajar dan penterjemah dari setiap negara secara purata memberi maklum balas menggunakan soal selidik yang diolah dalam versi bahasa yang berbeza mengikut negara. Apabila sesuatu perkataan tidak ditemui dalam kamus, pengguna biasanya akan melayari laman web untuk mencari maklumat. Penyelidikan juga membuktikan bahawa carian web telah menjadi pilihan pertama pengguna masa kini. Tren ini telah pun berlaku seawal tahun 2010, apabila kajian membuktikan bahawa separuh daripada semua pelawat ke kamus bahasa Denmark eka bahasa terkemuka adalah daripada *Google* dan trend ini semakin kuat. Tren ke arah teknologi dan laman web adalah sesuatu yang perlu diambil kira oleh ahli perkamusan dan mereka perlu mereka bentuk kamus digital terkini yang sesuai dengan keperluan pengguna abad ke-21. Kosem et al. (2019), merumuskan bahawa sekiranya kamus menjadi bahan rujukan dan bersaing dengan carian di laman web, maka sesebuah kamus itu seharusnya beralih daripada percetakan kepada teknologi moden yang memberi manfaat kepada pengguna pada masa kini dan akan datang. Kajian ini tidak membincangkan tentang pendekatan yang diambil dalam mendefinisikan sesuatu makna.

Gouws dan Tarp (2017) telah membuat kajian berkaitan masalah lebih maklumat dan data dalam leksikografi. Mengikuti kajian, amalan leksikografi sebelum ini yang bertujuan menghasilkan kamus bercetak adalah baik kerana ia boleh berasaskan teori bunyi. Ini telah meningkatkan mutu kamus yang dihasilkan. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian kamus dan keutamaan diberikan kepada kamus dalam talian. Ahli leksikograf yang mengambil bahagian dalam perancangan dan penyusunan kamus dalam talian juga memerlukan akses kepada teori, dan ia adalah salah satu keutamaan bagi ahli leksikograf untuk mengembangkan teori mereka supaya mereka dapat menyokong susunan kamus bercetak dan kamus dalam talian. Kajian mendapati korpora elektronik telah menjadi kelebihan dan bantuan utama, namun bahan tersebut perlu digunakan secara berdisiplin dan tidak memasukkan data sebanyak mungkin dalam bil simpanan kamus dalam talian tanpa had. Sekatan ke atas ruang penghantaran dan kulit berdering terutamanya perlu diambil kira. Dalam konteks ini, Gouws dan Tarp (2017) berpendapat bahawa penerapan teori leksikografi dan penggunaan teknik maklumat yang sesuai adalah sangat penting. Lebih data juga sering membawa kepada lebih data kulat kerana data tidak dipilih dan dibentangkan berdasarkan fungsinya dalam kamus. Kamus dalam talian pelbagai fungsi juga memainkan peranan penting sebagai sumber rujukan. Walau bagaimanapun, pengguna perlu mengakses data yang berkaitan dengan keperluan sebenar mereka melalui proses perundingan tertentu. Lebih data yang kurang relevan akan menghalang kejayaan proses perundingan.

Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh penyumberan luar leksikografi seperti kemunculan Generasi Z sebagai pengguna kamus yang paling berpotensi dan hubungan generasi ini dengan media sosial yang menyebabkan ahli leksikografi mengintegrasikan kamus mereka ke dalam lebih banyak portal, media dan dalam talian sumber meluas (Gouws & Tarp, 2017). Menghubungkan kamus ke banyak baris lain di Internet akan meningkatkan potensi lebih data dan, seterusnya, menuntut kawalan ketat daripada ahli perkamusan. Mereka menyimpulkan bahawa penyelidik percaya bahawa satu set jenis data boleh memuaskan hati sesetengah pengguna dalam beberapa masa, dan mungkin sesetengah pengguna sepanjang masa, tetapi tidak dapat memenuhi keperluan semua pengguna sepanjang masa. Namun, kajian oleh Gouws dan Tarp (2017) ini hanya memfokuskan kepada masalah lebih maklumat dan data dalam penghasilan sesebuah kamus tetapi tidak menyentuh aspek pentakrifan makna sesuatu entri yang terdapat dalam kamus dan bersifat umum, tidak khusus untuk kamus ekabahasa, dwibahasa atau tiga bahasa.

1.3 Kajian Berkaitan Dialek Utara

Kajian oleh Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani et al. (2024) mengkaji dialek Melayu yang dituturkan di Baling, Kedah, yang dianggap unik dan berbeza daripada dialek Melayu Kedah standard. Kajian ini bertujuan menjawab dua persoalan asas dalam dialektologi diakronik: (i) ciri fonologi yang membezakan dialek Baling daripada dialek Melayu Kedah dan lain-lain, serta (ii) hubungan antara dialek tersebut. Data dikumpul melalui kaedah temu bual, melibatkan 643 elemen leksikal dan rakaman perbualan, kemudian dianalisis menggunakan rangka kerja dialektologi diakronik. Kajian mendapati dialek Baling berbeza daripada dialek Melayu Semenanjung Utara dan tidak boleh dianggap sebagai subdialek Kedah standard. Dialek ini membentuk cabang tersendiri, dikenali sebagai cabang dialek Hulu Semenanjung Utara, yang merangkumi kawasan seperti Baling, Sik, Kuala Nerang, Padang Terap, dan hulu Perak utara. Selain aspek linguistik, hubungan kekeluargaan dalam dialek ini turut disokong oleh bukti sejarah dan sosiologi. Penemuan ini menunjukkan wujudnya cabang baru dalam dialek Melayu Semenanjung Utara yang perlu diiktiraf dalam klasifikasi rasmi dialek Malaysia. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada aspek fonologi dan tidak meliputi makna kata, memberi ruang untuk kajian lanjutan dalam aspek tersebut.

Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Anas Ismail (2023) menerapkan pendekatan geolinguistik, yang menggabungkan geografi dan linguistik dengan menggunakan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk memetakan sempadan bahasa. Kajian ini memfokuskan dialek Pulau Pinang yang bersempadan dengan Kedah, Perlis, dan Perak, menggunakan GIS untuk mengenal pasti perbezaan leksikal antara negeri-negeri ini. Kajian ini meneliti penggunaan dan penyebaran kata "kapal", "kuih", dan "panas", serta menghasilkan peta isogloss dan koroplet menggunakan aplikasi GIS di Pulau Pinang. Data kosa kata dikumpulkan melalui kajian lapangan di 27 kampung, melibatkan 123 responden yang terdiri daripada golongan tua dan muda. Hasil kajian mengesahkan perbezaan bentuk leksikal ketiga-tiga kata tersebut, yang mencerminkan perbezaan bahasa antara Pulau Pinang, Kedah, dan Patani Sik. Kajian ini membuka peluang untuk penyelidikan lanjut mengenai peluasan makna kata, terutamanya dalam dialek Utara.

Ainur Syakirah Muhd Hissam dan Zuliana Zubir (2022) meneliti dialek Melayu Perlis yang dipengaruhi oleh kedudukan unik negeri ini, bersempadan dengan Thailand dan berdekatan dengan Kedah. Kajian ini meneliti kata pinjaman Arab yang digunakan dalam dialek Melayu Perlis, kerana bahasa Arab dikaitkan rapat dengan Islam, agama yang dianuti oleh majoriti orang Melayu. Kajian ini merupakan usaha awal dalam menganalisis dialek Melayu Perlis dari perspektif dialektologi, khususnya mengenai kata pinjaman Arab. Kajian ini meliputi beberapa kampung terpilih di Perlis dan memfokuskan kepada peminjaman leksikal Arab yang mempunyai variasi,

termasuk kata seperti “kafir”, “takdir”, dan “sahur”. Menggunakan rumus transformasi generatif, kajian ini menerangkan perubahan fonologi dalam varian leksikal tersebut. Kajian ini juga menggunakan penyelidikan sebelum mengenai dialek Perlis, dengan fokus pada sebutan kata pinjaman Arab yang membuka ruang untuk kajian baharu dalam peluasan makna kata, terutama dalam dialek tempatan.

1.4 Kajian Berkaitan Teori Analisis Komponen Makna (1975)

Kajian oleh Milla Amellia et al. (2023) telah membincangkan analisis komponen makna dalam kraf tangan khas Tasikmalaya, iaitu payung geulis, kelom geulis, dan gamparani. Kaedah yang digunakan adalah kualitatif, dengan menghuraikan fakta-fakta yang terdapat pada objek kajian. Tujuan kajian ini adalah untuk menerangkan komponen perbezaan dalam leksikon payung geulis, kelom geulis, dan gamparani dalam bahasa Indonesia. Teknik analisis yang digunakan adalah deskriptif kualitatif, menggunakan teknik pengumpulan data seperti membaca, mendengar, dan mencatat. Di samping itu, analisis semantik turut digunakan dalam kajian ini. Objek kajian merangkumi payung geulis, kelom geulis, dan gamparani. Hasil analisis komponen makna menunjukkan bahawa terdapat lima leksikon berkaitan dengan payung geulis, yang membezakan dari segi bahan pembuatan, fungsi penggunaan, dan bentuk payung. Selain itu, terdapat juga lapan leksikon berkaitan dengan kelom geulis dan gamparani, dengan perbezaan dari segi pengguna, bahan pembuatan, dan situasi penggunaannya. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat peluasan makna bagi leksikon berkaitan payung geulis dan juga membuktikan bahawa teori analisis komponen makna dapat menghuraikan makna bagi kata tersebut dengan teliti mengikut bekalan fitur makna yang terlibat.

Zul Hanis Yop Othman et al. (2022) menjalankan kajian berkaitan perkataan polisemi dalam perbualan generasi muda. Perkataan polisemi yang dipilih dalam kalangan generasi muda tidak dititikberatkan. Kajian ini memfokuskan kepada unsur polisemi dalam perbualan yang menerangkan maksud perkataan yang digunakan dalam kalangan penutur. Teori Analisis Komponen oleh Nida (1975) digunakan untuk menganalisis data kata polisemi yang dipilih. Data dianalisis secara kualitatif melalui rakaman perbualan spontan dan rawak menggunakan responden generasi muda berumur antara 28 dan 34 tahun di sebuah restoran. Hasil kajian mendapati makna kata polisemi boleh dijelaskan dengan menggunakan komponen makna ciri */+/-* mempunyai makna dan */-/-* tidak mempunyai makna bagi perkataan tersebut. Kajian ini mendapati sekurang-kurangnya empat analisis komponen penggunaan kata polisemi dalam perbualan iaitu genting, madu, gaduh, dan kurung. Oleh itu, kajian ini dapat menjelaskan maksud perkataan polisemi mengikut konteks perbualan. Namun begitu, kajian ini melihat kepada maksud perkataan polisemi sahaja dan tidak mendefinisikan sinonim perkataan polisemi dalam kalangan penutur generasi muda. Selain itu, teori yang digunakan berjaya menyelesaikan masalah kajian yang dikaji.

Secara keseluruhannya, kesemua kajian lepas telah menjadi sumber rujukan utama kepada pengkaji dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana kajian lepas ini telah memberi lompong kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci. Pengkaji telah merujuk kajian lepas untuk mengaplikasikan tatacara kajian, cara penghuraian data kajian menggunakan teori, dan cara menghuraikan sorotan literatur.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan kajian lapangan dengan memilih data melalui cara penandaan yang melibatkan entri, subentri dan frasa yang berlabel DU iaitu yang merangkumi Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak dalam KD4. Kajian kepustakaan juga melibatkan penelitian perbezaan pentakrifan makna yang terkandung dalam KD4 dan semua bahan bertulis yang berhubungan dengan kajian. Tatacara kajian ini ialah pengkaji telah memilih entri DU yang mempunyai masalah pentakrifan bersinonim daripada data korpus melalui Sistem Pangkalan Data Korpus Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Seterusnya, entri tersebut sebagai bahan utama kajian yang akan digunakan dalam proses temu bual dengan penutur jati DU.

Seramai 30 orang responden dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Bandar Baru Selayang, Selangor yang dipilih melalui kaedah persampelan secara berkumpulan dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu berumur 25 hingga 55 tahun, tiada ketetapan dari segi jantina dan taraf akademik, berasal dari negeri Utara, beragama Islam dan pelbagai skim perjawatan. Respondan yang terlibat adalah kakitangan FAMA yang berasal dari Negeri Utara iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perlis dan Perak. Justifikasi pemilihan 30 orang responden sudah cukup untuk dijadikan sampel kajian. Menurut Asmah Hj. Omar (2001) menyatakan bahawa bilangan sampel kajian paling sedikit adalah tujuh orang sudah memadai untuk mengukuhkan data kajian. Oleh itu, dalam kajian ini wajarlah pemilihan 30 orang responden dibuat. Selain itu, pengkaji memilih FAMA sebagai lokasi kajian yang strategik kerana melihat dari pelbagai aspek iaitu aspek masa, sumber kewangan, faktor jumlah responden yang berasal dari negeri Utara, faktor kerjasama pihak pentadbiran lokasi kajian dan faktor jarak tempat tinggal dengan pengkaji. Dengan menimbang semua aspek ini pengkaji telah memilih FAMA sebagai tempat kajian. Pengkaji akan menemu bual responden secara berkumpulan mengikut negeri untuk mengumpul data kajian dan merekod suara yang mengambil masa dalam lingkungan 15 hingga 20 minit setiap kumpulan. Rakaman akan melalui proses transkripsi daripada lisan kepada tulisan bagi mendapat data. Selepas itu, data temuan dalam kajian lapangan ini akan dianalisis menggunakan Teori Analisis Komponen Makna.

2.1 Teori Analisis Komponen Makna

Dalam kajian ini, Teori Analisis Komponen Makna digunakan untuk menghuraikan makna perkataan atau frasa dengan memecahkannya kepada komponen yang lebih kecil dan terperinci. Ia membolehkan pengkaji memahami elemen-elemen asas yang membentuk makna sesuatu perkataan dalam konteks tertentu. Teori ini sangat berguna dalam mengkaji makna leksikal dialek Utara kerana dialek ini sering kali mempunyai variasi makna yang berbeza dari bahasa standard atau dialek lain. Rajah 1 adalah huraian tentang Teori Analisis Komponen Makna yang diasaskan oleh Nida (1975).

Rajah 1*Kerangka Teori Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975)*

Teori Analisis Komponen Makna oleh Nida (1975)	
Empat Perkara Penting:	
i.	Menjelaskan istilah yang menunjukkan hubungan kekeluargaan supaya dapat menghuraikan makna komponen istilah dengan jelas.
ii.	Teori ini digunakan dalam terjemahan leksikal antara bahasa sebagai salah satu cara terbaik untuk mendapatkan kesetaraan makna yang paling hampir dengan item leksikal tertentu dengan mengambil kira kepelbagaian ciri yang dikenal pasti dalam leksikal tertentu.
iii.	Menghuraikan makna istilah secara terperinci dan memasukkan unsur-unsur pertentangan.
iv.	Makna istilah yang menunjukkan persamaan fitur makna atau logik akan ditandai dengan simbol <i>/+/-</i> dan jika fitur makna tersebut bertentangan akan disimbolkan dengan simbol <i>/-/-</i> .

Berdasarkan Rajah 1, pengkaji telah membuat ringkasan berdasarkan kefahaman pengkaji sendiri untuk lebih memudahkan pengkaji akan datang memahami dan menggunakan Teori Analisis Komponen dipelopori oleh Nida (1975). Kefahaman tentang teori terlebih dahulu memudahkan proses penganalisan data berlandaskan prinsip yang diterapkan dalam teori tersebut supaya data boleh dianalisis dengan betul dan tepat. Dalam analisis komponen ini, apa yang ditekankan ialah makna sesuatu perkataan kepada fitur makna atau komponen makna. Persaudaraan dalam bahasa yang berbeza dijelaskan untuk menyelesaikan perbezaan dalam aspek bahasa yang merangkumi hubungan kekeluargaan melalui pendekatan ini. Ahli antropologi telah menggunakan teori analisis komponen untuk menentukan hubungan kekeluargaan sesuatu perkataan. Menurut Indirawati Zahid dan Fatmawati Sidik (2012), analisis komponen ialah kajian yang berkaitan dengan bentuk rujukan dan paparan struktur makna dalam sesuatu bahasa yang memenuhi standard struktur beberapa set rujukan yang mana tatacara linguistiknya ialah menamakan, mengparafrasa, pengenalan, dan klasifikasi.

Nida (1975) berpendapat bahawa perkataan yang mempunyai makna yang sama adalah berkaitan dengan fitur yang dikongsi dan mempunyai fitur yang membezakan antara perkataan tersebut. Komponen makna terbahagi kepada dua bahagian iaitu bertanda */+/-* bagi fitur merujuk kepada komponen makna, manakala */-/-* bagi fitur yang bukan komponen makna perkataan seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.

Jadual 1*Komponen makna dan fitur */+/-**

Komponen Makna	Ibu	Nenek
Perempuan	+	+
Emak kepada ibu	-	+
Anak kepada nenek	+	-
Berkahwin	+	+
Memiliki cucu	+	+
Dewasa	+	+
Pernah Mengandung	+	+

Menurut Nida (1975), struktur leksikal dalam bahasa tabii boleh dianalisis dari sudut semantik melalui pembentukan unsur-unsur makna yang dianggap universal. Selain makna perkataan berhubung dengan perkataan lain yang dianalisis dalam hubungan komponen kompleks dan bukan sebagai satu unit, teori ini menjelaskan dan menganalisis makna perkataan dengan memasukkan unsur-unsur yang bertentangan.

Rumusannya, pengkaji telah menghuraikan metodologi kajian ini secara terperinci dari segi kaedah kajian, kaedah pengumpulan data kajian, penggunaan Teori Analisis Komponen Makna, kaedah penganalisan data kajian dan lokasi kajian. Metodologi kajian dalam sebuah penyelidikan adalah sangat penting kerana ia merupakan gambaran cara kajian ini dilaksanakan. Justeru, kajian ini diharap dapat membantu untuk menyumbangkan ilmu berkaitan bidang semantik ini.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengkaji akan menghuraikan secara terperinci data kajian dengan menggunakan teori. Kajian ini hanya melibatkan satu entri sahaja iaitu entri "tik" akan dianalisis dengan padanan kata sinonim dalam KD4. Seterusnya, pengkaji akan merumuskan makna baharu entri yang ditemukan hasil daripada proses temu bual dengan penutur jati DU.

3.1 Pentakrifan Entri “Tik” dalam KD4 yang Berbentuk Sinonim

Berikut ialah huraian secara terperinci makna kata sinonim yang didapati dalam KD4 bagi entri “tik”:

Tik Pl; cela, cerca, kritik

(KD4:2005)

cela 1. kekurangan, cacat, cedera: tidak ada cacat ~nya sedikitpun; 2. aib, noda (bkn perbuatan dll); 3. kecaman, kritik: puji dan ~ tidak bercera; bercela mempunyai cela (cacat dll); mencela mengecam, mengkritik (dgn memburuk-burukkan sahaja), mencaci, mencacat: mengapa kau ~ dia? cela-mencela saling mencela, caci-mencaci; tercela tercacat, dapat (patut) dicela: kelakuannya tidak ~; celaan kecaman, kritikan (yg memburuk-burukkan sahaja), cacian; kecelaan 1. cela, cacat, kecacatan; 2. keaiban: mendatangkan ~ kpd keluarga; berkecelaan bercacat, dapat (patut) dicela; pencelaan perihal (perbuatan dsb) mencela; pencela orang yg mencela, pengkritik (yg suka memburuk-burukkan sahaja), pencaci.

(KD4:2005)

cerca celaan, cacian: jangan melanggar adat supaya tidak menimbulkan ~ drpd masyarakat kampung; ~ maki caci maki; mencerca, mencerca mengeluarkan kata-kata keji utk menghina (mengejek dsb), mencaci, mencela: mereka terus-menerus ~ dan menghamburkan nista kepadanya; kecercaan keadaan kena cerca: pemerintah yg mengelakkan ~ dgn melakukan peperangan di luar negeri; pencercaan perbuatan mencerca atau mencercai: mencegah pemecahan janji setia dan ~ ke atas agama Allah.

(KD4:2005)


kri”tik” 1. analisis, penilaian dan teguran terhadap karya seni, sastera, dsb: seseorang penulis harus menerima baik segala ~ yg jujur; pd masa ini banyak tersiar ulasan dan ~ mengenai sajak dan cerpen; kerajaan sedia memberikan perhatian kpd ~ -- yg dikemukakan dgn tujuan yg baik; 2. teguran keras, kecaman, bidasan; mengkritik 1. membuat analisis dan penilaian tentang karya seni, sastera, dsb: seorang yg tidak pernah menghasilkan sesuatu karya sastera masih dapat ~ cerpen, novel, ataupun sajak; 2. memperkatakan (mengulas dsb) keburukan atau kelemahan sesuatu atau seseorang; ~ hebat (keras, pedas) mengecam, membidas, mencela: menerusi watak-wataknya pengarang ~ pedas akan masyarakat hari ini; dia menafikan pernah menuduh atau ~ penuntut-penuntut maktab tersebut; kritikan 1. kritik (analisis, penilaian, dan ulasan terhadap sesuatu karya sastera dll); 2. kritik (ulasan atau kata-kata) tentang keburukan (kelemahan dsb) seseorang atau sesuatu, kecaman; pengkritik orang yg mengkritik, pembidas: kita memerlukan banyak ~ sastera yg berkebolehan; para ~ dr negeri-negeri lain telah memuji karya pelukis-pelukis Malaysia yg dipamerkan itu.

(KD4:2005)

Berdasarkan entri-entri KD4 yang dikeluarkan seperti di atas, pecahan makna yang dianggap paling sesuai bagi merujuk makna entri “tik”, maka dalam Rajah 2 pengkaji merumuskan seperti yang berikut.

Rajah 2

Carta makna entri “tik”



Berdasarkan KD4, entri “tik” diberi takrifan secara tiga kata sinonim iaitu cela, cerca dan kritik. Pentakrifan yang diberikan oleh KD4 terhadap entri “tik” dalam bentuk sinonim tersebut tidak menyatakan dengan lebih jelas tentang kaedah atau cara yang digunakan bagi kata tersebut serta golongan yang melakukan dan tujuan tersebut. Dengan kata lain pentakrifan oleh KD4 adalah terlalu umum dan menyukarkan pengguna untuk memahami maksud takrifan yang diberikan. Tambahan pula tidak menyatakan contoh penggunaan dimasukkan yang boleh digunakan untuk menjadi panduan pengguna.

Kata cela yang merupakan padanan sinonim pertama yang digunakan untuk mentakrif entri “tik” mempunyai tiga pecahan makna. Berdasarkan dua pecahan makna tersebut, makna pertama lebih pada kekurangan, cacat, cedera kepada sesuatu benda khususnya manusia atau binatang. Kedua ialah perbuatan mengaibkan atau noda iaitu bukan perbuatan dan lain-lain. Manakala ketiga pula ialah

perbuatan kecaman atau mengkritik manusia sehingga menjatuhkan aib dan maruah seseorang sebagai contoh mencaci, mencacatkan dan memburuk-burukkan seseorang itu sama ada kerana cacat atau keadaan seseorang itu.

Seterusnya ialah kata cerca dengan dua kata sinonim iaitu celaan dan cacian. Kata sinonim ini merupakan takrifan yang kurang tepat kerana setiap kata tersebut membawa makna yang berbeza dan kurang tepat untuk disinonimkan. KD4 mentakrif kata cerca ialah perbuatan mencela atau mencaci sebagai contoh ayat pemerintah yang mengelakkan cerca dengan melakukan peperangan di luar negeri. Makna ayat tidak menepati apa yang dikehendaki dengan entri “tik” kerana dapatan kajian lapangan oleh pengkaji mempunyai makna yang berlainan dengan kata yang disinonimkan tersebut.

Pentakrifan kata sinonim yang ketiga ialah kata kritik. KD4 telah mentakrifkan kata kritik ialah perbuatan menganalisis, menilai atau teguran terhadap karya seni, sastera dan sebagainya. Teguran yang diberikan sama ada bentuk keras, kencana atau bidasan yang boleh melukakan hati kepada orang yang dikritik itu. Walau bagaimana pun kata ini masih tidak menggambarkan makna sebenar dan menyukarkan pengguna untuk mendapat serta memahami makna yang diterangkan itu. Di sini telah menimbulkan pertindihan makna sehingga mengelirukan pengguna terhadap makna “tik” dan perkataan ini tidak tepat untuk digantikan dengan lain.

Rumusannya, pengkaji telah menghuraikan perbandingan makna entri “tik” dengan kata sinonim yang terdapat dalam KD4. Makna berdasarkan padanan dalam KD4 telah dihuraikan dengan terperinci bagi setiap perkataan sinonim yang dipadankan dengan entri “tik”. Walau bagaimanapun, pada peringkat ini, pengkaji hanya menghuraikan makna yang terdapat dalam KD4 sahaja dan masih tidak menggambarkan makna sebenar yang dalam kalangan penutur DU. Oleh itu, peringkat seterusnya pengkaji akan membuat penilaian makna berdasarkan teori.

3.2 Penelitian Makna Entri DU “Tik” yang Berbentuk Sinonim berdasarkan Penerapan Teori Analisis Komponen Makna

Berdasarkan entri DU “tik”, pengkaji akan menilai semula penelitian makna yang berbentuk sinonim yang berkaitan dengan entri “tik” dengan menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975). Analisis secara terperinci akan dijalankan seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2

Analisis komponen makna entri “Tik”

Entri Fitur Makna	Perasaan menyampah kerana perangnya	Perasaan meluat kerana perangnya	Perbuatan mengumpat	Perbuatan mengata	Tidak mengetahui apa-apa
tik	+	+	+	+	+
Cela	+	+	+	+	-
Cerca	+	+	+	+	-
Kritik	+	+	-	+	-

Berdasarkan Jadual 2, entri “tik” telah memiliki fitur makna [+ perasaan menyampah kerana perangnya, + perasaan meluat kerana perangnya, + perbuatan mengumpat, + perbuatan mengata, + tidak mengetahui apa-apa]. Kata cela pula memiliki fitur makna [+ perasaan menyampah kerana perangnya, + perasaan meluat kerana perangnya, + perbuatan mengumpat, + perbuatan mengata, - tidak mengetahui apa-apa]. Kata cerca [+ perasaan menyampah kerana perangnya, + perasaan meluat kerana perangnya, + perbuatan mengumpat, + perbuatan mengata, - tidak mengetahui apa-apa]. Kata kritik [+ perasaan menyampah kerana perangnya, + perasaan meluat kerana perangnya, - perbuatan mengumpat, + perbuatan mengata, - tidak mengetahui apa-apa].

Jadual 2 menunjukkan bahawa kata “tik” tidak berada dalam golongan fitur yang sama dengan kata cela dan cerca. Terdapat satu fitur kontrasif antara “tik” [+ tidak mengetahui apa-apa] sedangkan kata cela dan cerca [- tidak mengetahui apa-apa]. Oleh yang demikian, walaupun makna boleh dikatakan perbuatan yang lebih kurang sama tetapi masih tidak dapat menyamai kata “tik”. Berdasarkan Analisis Komponen Jadual 3 telah menunjukkan bahawa kata cela dan cerca telah mempunyai persamaan dari segi fitur makna dengan kata “tik” mempunyai perasaan yang menyampah dan meluat kerana perangai seseorang serta perbuatan mengata kepada seseorang.

Merujuk pada kata kritik yang merupakan pecahan kata sinonim yang ketiga bagi takrifan entri “tik”. Terdapat tiga fitur kritik yang boleh disinonimkan [+ perasaan menyampah kerana perangnya, + perasaan meluat kerana perangnya, + perbuatan mengata] dan berbeza [- perbuatan mengumpat, - tidak mengetahui apa-apa]. Oleh yang demikian kata “tik” dan kritik tidak boleh disinonimkan kerana tidak boleh mentafsirkan makna yang tepat antara satu sama dengan lain.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian dalam Jadual 3 telah menunjukkan bahawa entri “tik” tidak boleh disinonimkan dengan ketiga-tiga kata senonim yang diberikan dalam KD4. Menurut Noor Roza Hasan (2019), walaupun kesemua padanan perkataan yang diberikan dalam KD4 mencerminkan bentuk makna permukaan yang sama namun masih berbeza dari segi konteks penggunaannya. Berikut diperturunkan contoh korpus sebagai contoh penggunaan bagi entri takrifan cela, cerca dan kritik.

Cela

*Mengapa kau ~ dia?
Perbuatan ~ itu telah mendatangkan keaiban kepada keluarganya.
Abby berasa sedih dan kecewa kerana sikap Ahmadi suka ~ beliau.
Empuk dan segar. Tidak ada cacat ~.
Hukum Tuhan sempurna tiada ~.
Selain dari luka "tik" aman di hati dan lehernya, tubuhnya tiada ~.*

(KD4:2005)

Berdasarkan enam contoh penggunaan entri cela di atas menunjukkan bahawa perbuatan kecaman yang menimbulkan aib dan kekecewaan seseorang. Selain itu, entri cela juga menunjukkan makna kecacatan yang boleh merujuk kepada manusia mahupun bukan manusia. Oleh yang demikian berdasarkan enam contoh penggunaan yang dikutip melalui sumber korpus jelas menunjukkan bahawa pentakrifan entri "tik" dalam bentuk sinonim cela masih kurang tepat.

Cerca

*Mereka terus-menerus ~ dan menghamburkan nista kepadanya.
Mencegah pemevahan janji setia dan ~ ke atas agama Allah.
Jangan ~ saya sebagai wanita yang ingin dimiliki.*

(KD4:2005)

Merujuk pada fitur makna bagi entri cerca di atas, data korpus telah menunjukkan bahawa cerca membawa pada makna penghinaan kepada kekurangan seseorang atau penghinaan kepada agama. Perkara ini tidak boleh disamakan dengan makna "tik" yang kurang tepat untuk disinonimkan walaupun ada sedikit sipi tentang padanan makna yang diterangkan. Justeru, berdasarkan tiga contoh penggunaan yang dikutip melalui sumber korpus masih kurang jelas dengan persamaan makna entri "tik".

Kritik

*Kamu ~ karya saya dulu?
Ada ~ bahawa pemergian mereka membuat Amerika tak dilindungi.
~ anda, ada banyak dari mereka.
Port keamanan negara walaupun pemerintah mengatakan telah maju. ~ mengatakan perubahan berpotensi terinfeksi area yang sangat mudah.
Seseorang penulis harus menerima baik segala ~ yang jujur.
Pada masa ini banyak tersiar ulasan dan ~ mengenai sajak dan cerpen.*

(KD4:2005)

Bagi kata kritik pula, data korpus telah menunjukkan makna lebih pada penilaian baik atau buruk mengenai karya seni atau sastera atau perangai seseorang atau penilaian terhadap kepimpinan sesebuah negara. Hal ini masih lagi tidak boleh disamakan dengan makna "tik" yang ditemukan dalam data lapangan kajian oleh pengkaji.

Rumusannya, peringkat ini pengkaji telah menghuraikan entri "tik" dengan menggunakan teori. Berdasarkan dapatan kajian, entri ini masih tidak boleh diganti antara satu lain dengan padanan kata sinonim yang diberikan dalam KD4. Hal ini huraian melalui teori telah menunjukkan tiada padanan fitur makna yang menunjukkan persamaan antara entri "tik" dengan kata sinonim berkenaan.

3.3 Pentakrifan Makna Baharu Entri DU "Tik"

Berdasarkan dapatan daripada informan penutur DU telah mentakrifkan beberapa makna baharu bagi entri "tik" seperti yang terdapat dalam Jadual 3.

Jadual 3

Pentakrifan penutur DU bagi entri "Tik"

Penutur DU	Takrifan Makna Baharu
Penutur Perak	<i>perasaan menyampah dan meluat dengan seseorang kerana perangnya.</i>
Penutur Kedah	<i>perbuatan mengumpat orang di belakangnya (mengata)</i>
Penutur Perlis	<i>tak, tidak mengetahui apa-apa</i>
Penutur Pulau Pinang	<i>tidak digunakan di negeri ini</i>

Berdasarkan Jadual 3 telah menunjukkan bahawa entri "tik" telah ditemukan makna yang baharu dalam kajian lapangan oleh pengkaji. Penutur DU Pr telah memberikan makna "tik" sebagai satu perasaan menyampah dan meluat dengan seseorang kerana perangnya. Manakala penutur DU Kd pula telah mentafsirkan "tik" sebagai perbuatan mengumpat atau mengata orang di belakangnya. Seterusnya ialah penutur DU Pl pula mentakrifkan "tik" perasaan tidak mengetahui apa-apa dan tak. Selain itu, entri "tik" ini tidak didapati atau digunakan oleh penutur Pn kerana rata-rata penutur tidak mengetahui maksud entri berkenaan.

Sehubungan dengan itu, makna yang ditemui dalam kajian lapangan telah membuka mata kepada pengkaji bahawa terdapat peluasan makna "tik". Hal ini sangat ketara berbeza makna yang diberikan dalam KD4 iaitu cela, cerca, kritik. Bagi penutur DU Pr dan

Kd, makna yang diberikan adalah lebih pada perbuatan yang negatif sama seperti cela, dan cerca. Manakala, penutur DU PI pula berlainan makna iaitu perihal tidak mengerti dan tak (sama ada tidak boleh, tidak tahu, tidak mahu dan lain-lain). Oleh yang demikian, pentakrifan makna baharu bagi entri “tik” ialah;

Entri “tik”

Berikut ialah pentakrifan makna baharu bagi entri “tik” bagi negeri Kd, Pr dan PI.

Kd, Pr, PI:

Adj.

Perasaan menyampah dan meluat dengan seseorang kerana perangnya.

Tidak mengetahui apa-apa

K. Tugas.

Tak (tidak)

Kk.

Perbuatan mengumpat orang di belakang (mengata).

Membaling barang dari jauh kepada seseorang dengan niat untuk memukul.

Menampar menggunakan tapak tangan di belakang.

Secara rumusnya, pengkaji telah merumuskan dapatan makna baharu yang diperoleh hasil daripada kajian lapangan. Data tersebut telah diberikan oleh penutur DU yang mana menjadi sumber penting dalam perhubungan untuk mendapatkan makna sebenar bagi entri “tik”. Justeru, pengkaji telah menemukan jawapan yang sebenar bagi makna entri ini berdasarkan penutur DU.

4.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya merungkai masalah berkaitan kekaburan makna entri dialek Utara yang telah menyebabkan kelingkaran makna, ketidakjelasan makna dan pertumpangtindihan makna. Entri “tik” telah dihuraikan dengan lebih terperinci akan masalah pentakrifan makna dengan menggunakan Teori Analisis Komponen Makna (1975) Teori ini sangat sesuai diterapkan dalam kajian ini kerana dapat membendung masalah sepadan makna sinonim perkataan yang dikaji sama ada boleh diganti antara satu sama lain atau sebaliknya. Tambah lagi, hasil dapatan kajian lapangan telah terbukti bahawa terdapat temuan peluasan makna baharu yang boleh ditakrifkan dalam KD4. Dengan temuan baharu ini pengguna dapat memahami dengan lebih tepat dan mendalam akan perkataan yang dikaji tersebut dengan contoh dan situasi. Justeru, diharap kajian ini dapat memberi lompongan kepada pengkaji baharu kelak supaya lebih banyak lagi kajian leksikal dalam dialek diteruskan. Hal ini supaya bidang semantik dan pragmatik ini diperluas lagi kajiannya.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak melibatkan geran penyelidikan, biasiswa daripada badan Kerajaan, swasta dan lain-lain. Terima kasih diucapkan kepada semua responden dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) atas kerjasama yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data kajian.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Zul Hanis Yop Othman (Metodologi, Penyelidikan, Penulisan – Draf asal, Rujukan, Perisian, Analisis format)

Sharil Nizam Sha'ri; Adi Yasran Abdul Aziz; Salina Husain (Analisis format, Penulisan – menyemak & menyunting)

RUJUKAN

- Ainur Syakirah Muhd Hissam & Zuliana Zubir (2022). Variations of Arabic loanwords in the Perlis Malay dialect: Geolinguistic analysis. *E-Jurnal Bahasa dan Linguistik (E-Jbl)*, 4(2), 33–46. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v4i2.116>
- Asmah Hj. Omar (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa dan Lapangan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan & Amir Imran Jamil. (2019). Variasi leksikal dialek Melayu di negeri Kedah: Kajian geolinguistik. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 16–29. <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1504-02>
- Gouws, R.H. & Tarp, S. (2017). Information overload and data overload lexicography. *International Journal of Lexicography*, 30(4), 389–415. <https://doi.org/10.1093/ijl/ecw030>
- Kempson, M. R. (1986). *Semantic Theory*. Cambridge University Press.
- Hui Chin. (1999) *Kamus Linguistik*. Gramedia Pustaka Utama: Jakarta.

- Ibrahim Ahmad. (1994). *Perkamusan Melayu: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Indirawati Zahid & Fatmawati Sidik. (2012). Analisis komponen makna kata kerja dalam slogan iklan produk kecantikan Muka. *Jurnal Bahasa*, 12(2), 56–283. <https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8185/3672>
- Indirawati Zahid & Jasminerah Abdul Jalil. (2019). Kata kerja, hubungan leksikal dan komponen makna dalam bahasa iklan kecantikan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 9(2), 27–42. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v9.2301>
- Kosem, I., Lew. R., Spitzer, M.C. & Nesi, H. (2019). The image of the monolingual dictionary across Europe: Results of the European survey of dictionary use and culture. *International Journal of Lexicography*, 32(1), 92-114. <https://doi.org/10.1093/ijl/ecy022>
- Kushartanti. (2005). *Pesona Bahasa Langkah Awal Memahami Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama. Mashun.
- Milla Amellia, Arya Fatahillah, Irenne Edelwis Rondonuwu, & Aveny Septi Astriani. (2023). Analisis komponen makna pada Payung Geulis, Kelom Geulis dan Gamparani sebagai kerajinan khas Tasikmalaya. *Jurnal Bima: Pusat Publikasi Ilmu Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 1(4), 143–152. <https://doi.org/10.61132/bima.v1i4.335>
- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani, Mohd Tarmizi Hasrah & Khairul Faiz Alimi. (2024). Dialek Hulu Kedah: Satu pengelompokan baharu. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 1–44. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no1](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no1)
- Mohd Tarmizi Hasrah & Mohammad Khirulanwar Abdul Ghani (2021). Dialek Melayu Baling: Satu pemerian awal. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 193–216. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jb21(2)no2)
- Mashetoh Abd. Motalib. (2020). Menelusur Kajian Dialek Melayu Kedah (DMK). Dalam eProsiding PASAK5 2020 (Vol. 5, pp. 792–797). Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). <https://conference.uis.edu.my/pasak5/e-prosiding/e-prosiding-pasak5-2020>
- Mohd Zulkanein Sarbini. (2021). Polisemi kata “bebas”: Analisis semantik kognitif. *International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1), 124-139. https://www.iium.edu.my/media/72216/IYSJL_Polisemi%20Kata%20“Bebas”_Analisis%20Semantik%20Kognitif_Mohd%20Zulkanein%20Sarbini.pdf
- Monaliza Sarbini-Zin, Najwa Abdull Manan & Haikal Hammaad Zin (2019). Unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman antara Dialek Kedah dan Dialek Melayu Sarawak. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik*, 1(1), 18-32. <https://doi.org/10.53840/ejbl.v1i1.22>
- Nida, E.A. (1975). *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. The Hague: Mouton.
- Noor Roza Hasan. (2019). Pentakrifan entri Dialek Kelantan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.
- Noresah Baharom. (2009). *Kamus dan Kamus Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Dialek Melayu di Perak: analisis geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 69-82. <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-06>
- Nor Saadah Mohd Salleh. (2015). Kolokasi makna leksikal dalam iklan produk kecantikan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia.
- Nurul Aida Abdullah & Muhammad Zaid Daud. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61–79. <https://doi.org/10.11113/lspi.v7n1.97>
- Sapura Dalmi. (2011). *Dialek Kuala Kangsar sebagai entri dalam kamus*. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.
- Zul Hanis Yop Othman & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2020). Ketaksaan leksikal dalam perbualan masyarakat peniaga Terengganu. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 33–50. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/73/64>
- Zul Hanis Yop Othman, Salina Husain & Nabillah Bolhassan (2022). Unsur polisemi bahasa Melayu dalam perbualan generasi muda. *Jurnal Kesidang*, 7(1), 11-21. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/1142/909>